

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR**DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, MALAYSIA****BAHAGIAN RAYUAN DAN KUASA-KUASA KHAS****RAYUAN SIVIL NO. WA-12BNCVC-65-08/ 2021****ANTARA****RATHI NAIR A/P NARAYANAN KUTTY NAIR
(No. K/P: 671118-08-5570)****...PERAYU****DAN****1. SMART PARK SERVICES SDN BHD
(No. Syarikat: 1083029-D)****...RESPONDEN PERTAMA****2. GERAK KILAT SDN BHD
(No. Syarikat: 407635-D)****...RESPONDEN KEDUA****[DALAM MAHKAMAH SESYEN DI KUALA LUMPUR****DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, MALAYSIA****GUAMAN SIVIL NO. WA-A52NCVC-220-03/2020****ANTARA****RATHI NAIR A/P NARAYANAN KUTTY NAIR
(No. K/P: 671118-08-5570)****...PLAINTIF****DAN****1. SMART PARK SERVICES SDN BHD
(No. Syarikat: 1083029-D)****...DEFENDAN PERTAMA****2. GERAK KILAT SDN BHD
(No. Syarikat: 407635-D)****...DEFENDAN KEDUA****yang diputuskan oleh Tuan Rushan Lutfi bin Mohamed pada 9 haribulan Ogos 2021]****REKOD RAYUAN TAMBAHAN (1)**

Peguamcara Perayu	Peguamcara Responden
Tetuan Ramesh Yum & Co 15-12, Metia Residence, No. 5 Persiaran Sukan, Seksyen 13 40100 Shah Alam Selangor Darul Ehsan [Ruj: RYSA-2/009/NRN/02/2019]	Tetuan Andy & Co No. 8-2, Jalan PJS 8/17, Dataran Mentari, Bandar Sunway, 46150, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. [Ruj: AC-LITI-SP.GK-240-06/2020]



S/N MMKtlx2n60qrrgfppteX1w

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

INDEKS REKOD RAYUAN TAMBAHAN (1)

NO.	DOKUMEN	TARIKH	MUKA SURAT
1	Lima Muka Surat Kosong	-	I – V
2	Alasan Penghakiman Hakim Mahkamah Sesyen	27.09.2021	1 - 51



S/N MMKtlx2n60qrrgfppteX1w

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

(I)



S/N MMKtlx2n60qrrgfppteX1w

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

(II)



S/N MMKtlx2n60qrrgfppteX1w

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

(III)



S/N MMKtlx2n60qrrgfppteX1w

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

(IV)



S/N MMKtlx2n60qrrgfppteX1w

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

(V)



S/N MMKtlx2n60qrrgfppteX1w

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

DALAM MAHKAMAH SESYEN DI KUALA LUMPUR

WILAYAH PERSEKUTUAN, MALAYSIA

GUAMAN NO.: WA-A52NCVC-220-03/2020

ANTARA

RATHI NAIR A/P NARAYANAN KUTTY NAIR

(No. K/P: 671118-08-5570)

..... PLAINTIF

DAN

1. SMART PARK SERVICES SDN BHD

(NO. SYARIKAT: 1083029-D)

2. GERAK KILAT SDN BHD

(NO. SYARIKAT: 407635-D) ...DEFENDAN-DEFENDAN

ALASAN PENGHAKIMAN

(PERBICARAAN PENUH)



PENGENALAN

[1] Ini adalah rayuan Plaintiff yang tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah ini yang dibuat pada 9 Ogos 2021 yang memutuskan bahawa Plaintiff telah gagal membuktikan tuntutan-tuntutan Plaintiff, di atas imbalan kebarangkalian, terhadap Defendan-Defendan dan kos sebanyak RM10,000.00 dibayar oleh Plaintiff kepada Defendan-Defendan.

[2] Plaintiff tidak berpuas hati terhadap keputusan tersebut dan telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Tinggi pada 19 Ogos 2021.

DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIRUJUK

[3] Dokumen-dokumen yang dirujuk adalah seperti berikut:

- a. Notis Permohonan (Lampiran 12) bertarikh 30.07.2020;
- b. Affidavit Sokongan Plaintiff yang diikrarkan oleh Rathi Nair a/p Narayanan Kutty Nair pada 30.07.2020 ("Affidavit Plaintiff bagi Lampiran 12");
- c. Affidavit Balasan Defendan yang diikrarkan oleh Nanthakumari a/p Supramaniam pada 17.08.2020;
- d. Affidavit Jawapan Plaintiff yang diikrarkan oleh 03.09.2020;
- e. Ikatan Pliding ("Ikatan A");
- f. Ikatan Dokumen Bersama Bahagian A ("Ikatan B");
- g. Ikatan Dokumen Bersama Bahagian B ("Ikatan C");
- h. Ikatan Dokumen Bersama Bahagian C (I) ["Ikatan D (a)"];



- i. Ikatan Dokumen Bersama Bahagian C (II) ["Ikatan D (b)"];
- j. Ikatan Dokumen Bersama Bahagian C (III) ["Ikatan D (c)"];
- k. Ikatan Dokumen Bersama Bahagian C (IV) ["Ikatan D (d)"];
- l. Ikatan Dokumen Bersama Bahagian C (V) ["Ikatan D (e)"];
- m. Ikatan Dokumen Bersama Bahagian C (VI) ["Ikatan D (f)"];
- n. Ringkasan Fakta Kes Plaintiff ("Ikatan E");
- o. Ringkasan Fakta Kes Defendan ("Ikatan F");
- p. Fakta-Fakta yang Dipersetujui ("Ikatan G");
- q. Isu-Isu untuk Dibicarakan ("Ikatan H");
- r. Senarai Saksi Plaintiff ("Ikatan I");
- s. Senarai Saksi Defendan ("Ikatan J"); dan
- t. Pernyataan Saksi Plaintiff (SP1) ("Ikatan K").

[4] Ekshibit-ekshibit yang dirujuk adalah seperti berikut:

- a. M/s 163 Ikatan D (a) ("IDP1");
- b. M/s 50-51 Ikatan D (a) ("P2");
- c. M/s 52-53 Ikatan D (a) ("P3");
- d. M/s 54-63 Ikatan D (a) ("IDP4")
- e. M/s 76-135 Ikatan D (a) ("IDP5")
- f. M/s 147-162 Ikatan D ("IDP6")
- g. M/s 182-225 Ikatan D (a) ("IDP7");



- h. M/s 226-377 Ikatan D (b) ("IDP8")
- i. M/s 383-405 Ikatan D (b) ("P9");
- j. M/s 406-1267 Ikatan D (c), D (d), D (e), D (f) ("P10");
- k. M/s 168-176 Ikatan D (a) ("P11");
- l. M/s 177-178 Ikatan D (a) ("P12");
- m. M/s 146 Ikatan D (a) ("P13");
- n. M/s 136-139 Ikatan D (a) ("P14");
- o. M/s 140-145 Ikatan D (a) ("P15");
- p. M/s 378-382 Ikatan D (b) ("P16")
- q. M/s 85-86 Ikatan D (a) ("P17").

ISU YANG DIBICARAKAN

[5] Isu-isu yang dibicarakan dalam perbicaraan ini adalah seperti berikut:

- (a) sama ada Plaintiff mempunyai locus untuk mengambil tindakan ini ke Mahkamah;
- (b) sama ada apa-apa kontrak yang dimasuki oleh Plaintiff dengan Defendan-Defendan dicemari dengan kesalahan undang-undang kerana Plaintiff adalah seorang bankrap pada masa yang material;



- (c) sama ada seorang Dhev Kumar Raghavan adalah berkaitan dengan Defendan-Defendan;
- (d) sama ada Plaintiff telah dilantik sebagai Perunding bagi Defendan-Defendan;
- (e) sama ada Perjanjian-Perjanjian yang dinyatakan dalam perenggan 8, 9 dan 10 Pernyataan Tuntutan tersebut adalah kepunyaan Defendan-Defendan;
- (f) sama ada Tetuan J. Azmi & Associates telah menginvoiskan kepada Defendan-Defendan bagi perangkaan Perjanjian-Perjanjian tersebut;
- (g) sama ada terdapat konspirasi di antara Plaintiff dan Dhev Kumar Raghavan untuk menipu dan mengaut keuntungan daripada Defendan-Defendan;
- (h) sama ada Defendan-Defendan bersetuju untuk membayar Plaintiff sejumlah fee yang berpatutan bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Plaintiff,
- (i) sama ada Defendan-Defendan telah mengarahkan Plaintiff untuk merangka Perjanjian- Perjanjian bagi Defendan-Defendan;



- (j) sama ada Plaintiff telah menyelesaikan semua perangkaan Perjanjian-Perjanjian bagi Defendan-Defendan;
- (k) sama ada Defendan-Defendan telah menerima bil-bil bagi kerja-kerja perangkaan Perjanjian-Perjanjian tersebut;
- (l) sama ada Defendan-Defendan berhutang bagi jumlah fee sebanyak RM177,000.00 untuk perkhidmatan undang-undang bagi Perjanjian-Perjanjian yang dirangka tersebut;
- (m) sama ada Defendan-Defendan telah membuat pembayaran sebanyak RM30,000.00 sebagai sebahagian daripada pembayaran jumlah fee tersebut kepada Plaintiff;
- (n) sama ada apa-apa pembayaran (jika ada) telah dilakukan secara peribadi oleh salah seorang Pengarah pada masa ini ("*by one of the current Directors*") atau wakil Pengarah atas dasar pertolongan kerana Plaintiff adalah bankrap pada masa tersebut dan telah kehilangan bapanya pada masa yang material dan bukan kerana terdapatnya apa-apa kontrak di antara Plaintiff dan Defendan-Defendan;
- (o) sama ada Defendan-Defendan telah gagal untuk membuat apa-apa pembayaran kepada Plaintiff bagi tunggakan jumlah fee tersebut;



- (p) sama ada Defendan-Defendan telah gagal untuk membuat pembayaran baki jumlah fee sebanyak RM147,000.00;
- (q) sama ada Plaintiff telah menuntut dari Defendan-Defendan untuk membayar baki jumlah fee sebanyak RM147,000.00 melalui Notis Tuntutannya dari peguamcaranya, Tetuan Nasser Hamid & Associates;
- (r) sama ada Plaintiff telah menuntut dari Defendan-Defendan untuk membayar baki jumlah fee sebanyak RM147,000.00 melalui Notis Tuntutannya dari peguamcaranya, Tetuan S Bashirali & Associates; dan
- (s) sama ada Defendan-Defendan telah gagal untuk membuat apa-apa pembayaran kepada Plaintiff bagi tunggakan jumlah fee tersebut setelah menerima beberapa tuntutan daripada Plaintiff.

RINGKASAN FAKTA KES

[6] Kes ini adalah sebuah tuntutan Plaintiff ke atas Defendan-Defendan bagi tuntutan terhadap fi perkhidmatan undang-undang yang tidak berbayar oleh Defendan- Defendan.

[7] Plaintiff telah memplidkan bahawa Plaintiff telah dilantik oleh Defendan-Defendan secara verbal dan/atau tindakan untuk merangka beberapa dokumen perundangan dan memberi perkhidmatan nasihat undang-undang kepada Defendan-Defendan.



[8] Pada setiap masa material, Plaintiff telah dilantik oleh Dhev Kumar Raghavan sebagai Perunding Perundangan bagi Defendan-Defendan untuk tujuan perniagaan Defendan-Defendan di Kuala Lumpur, Ipoh, Bangalore dan Bhopal, India, Paris di Perancis dan Sierra Leone di Afrika.

[9] Plaintiff telah membuat perangkaan dan memberikan perkhidmatan pada Oktober 2016 sehingga Mac 2017 dan menghantar suatu bil bagi kerja-kerja tersebut ("Bil Pertama") bagi jumlah RM749,189.77 kepada Defendan-Defendan. Namun, selepas perjumpaan dengan Dhev dan Dato' Sivanyanam, Plaintiff bersetuju untuk mengurangkan bil tersebut kepada RM177,000.00 sebagai Bil Kedua.

[10] Pada setiap masa material, tiada sebarang bantahan atau persoalan yang ditimbulkan oleh Defendan-Defendan terhadap Plaintiff mengenai bil-bil tersebut dan telah membuat pembayaran dari Oktober 2016 sehingga Ogos 2017 sebanyak RM30,000.00.

[11] Sehingga kini, tunggakan pembayaran perkhidmatan Plaintiff adalah sebanyak RM147,000.00. Plaintiff telah beberapa kali, melalui lisan dan pesanan ringkas aplikasi WhatsApp, menghubungi Defendan-Defendan melalui Dato' Siva untuk menuntut tunggakan bayaran, namun tidak mendapat sebarang jawapan dan pembayaran.

[12] Plaintiff juga telah menghantar Notis-Notis Tuntutan kepada Defendan-Defendan bagi tuntutan tersebut melalui peguam-peguamcaranya, namun tidak menerima sebarang jawapan.



[13] Kes ini telah ditetapkan bagi Bicara Penuh pada 12-13 April 2021 dan hanya saksi Plaintiff (SP-1) sahaja dipanggil.

[14] Pihak Defendan-Defendan tidak memanggil mana-mana saksi bagi pembuktian kes mereka dan memohon kepada Mahkamah ini bagi *No Case to Answer* ("NCTA").

DAPATAN MAHKAMAH

[15] Dalam perbicaraan penuh di Mahkamah ini, seramai 1 orang saksi telah dipanggil untuk memberi keterangan bagi pihak Plaintiff iaitu Plaintiff sendiri dan Defendan tidak memanggil saksi untuk membuktikan kes Defendan.

[16] Mahkamah mendapati bahawa isu pertama adalah sama ada Plaintiff mempunyai locus untuk mengambil tindakan ini ke Mahkamah. Mahkamah mendapati bahawa Plaintiff gagal membuktikan bahawa Plaintiff telah dilantik oleh Defendan-Defendan sebagai Perunding Perundangan. Oleh yang demikian, Plaintiff telah gagal memenuhi seksyen 101 Akta Keterangan 1950.

"(1) Whoever desires any court to give judgment as to any legal right or liability, dependent on the existence of facts which he asserts, must prove that those facts exist."



(2) When a person is bound to prove the existence of any fact, it is said that the burden of proof lies on that person."

[17] Bagi menyokong persoalan ini, malangnya Plaintiff telah gagal untuk membawa ke hadapan apa-apa jenis kontrak atau perjanjian bertulis yang menunjukkan beliau telah dilantik.

[18] Mahkamah juga mendapati bahawa Plaintiff juga telah gagal untuk menunjukkan kepada Mahkamah ini bahawa untuk servis yang dikatakan telah dibuat oleh Plaintiff, terdapatnya apa-apa amaun yang telah dipersetujui secara bertulis.

[19] Plaintiff secara keseluruhannya hanya menyatakan bahawa En. Dhev Kumar Raghavan telah melantik Plaintiff sebagai Perunding Perundangan Defendan-Defendan. Pada perbicaraan tersebut, Mahkamah mendapati bahawa En. Dhev Kumar Raghavan tersebut tidak langsung dipanggil sebagai saksi oleh Plaintiff untuk membuktikan bahawa Plaintiff telah dilantik oleh En. Dhev Kumar Raghavan dan juga terma-terma perlantikkan tersebut yang dipersetujui oleh En. Dhev Kumar Raghavan.

[20] Seterusnya, Mahkamah juga mendapati bahawa Plaintiff telah mengaku bahawa En. Dhev Kumar Raghavan telah berkhidmat untuk Smart InterPark Group Sdn Bhd (Mahkamah merujuk kepada mukasurat 27 Nota Keterangan) -



S: Lihat muka surat 6. Ini adalah emel puan kepada En. Dhev Kumar Raghavan dari Smart InterPark Group Sdn Bhd. 'Good morning Dhev, I have sent the below email to Dato Raja.' Setuju bahawa Dato Raja adalah Datuk Rajasekharan dari legal firm J Azmi & Associates?

J: Betul.

[21] Selari dengan pengakuan Plaintiff bahawa En. Dhev Kumar Raghavan bekerja dengan Smart InterPark Group Sdn Bhd, (seperti yang terkandung dalam surat bertarikh 5 Disember 2016 dari Parkeon di mukasurat 1 dalam Ikatan B). Persoalannya bagaimana seorang yang bekerja dengan Smart InterPark Group Sdn Bhd dapat melantik Plaintiff menjadi Perunding Perundangan untuk 2 syarikat yang berbeza iaitu Defendan Pertama dan Defendan Kedua. Hal ini memerlukan satu penjelasan, dan ini seterusnya menjadikan En. Dhev Kumar Raghavan seorang saksi yang material.

[22] Dalam keadaan ini, Plaintiff sendiri telah mengaku bahawa beliau tidak memanggil En. Dhev Kumar Raghavan sebagai saksi Plaintiff bagi menjawab isu tersebut (Mahkamah merujuk mukasurat 30 Nota Keterangan iaitu keterangan Plaintiff semasa pemeriksaan balas) -

S: Seterusnya. Nampaknya En. Dhev Kumar Raghavan ini adalah seorang saksi material untuk perbicaraan ini. Adakah kamu telah mengeluarkan apa-apa sepina atau telah



mengarahkan peguam kamu untuk mengeluarkan sepina terhadap En. Dhev Kumar Raghavan?

J: Ada. Tiada. Sorry.

S: Ada kamu buat apa-apa servis?

J: Tiada.

[23] Mahkamah merujuk kepada seksyen 114 *illustration* (g) Akta Keterangan 1950 memperuntukkan seperti berikut:

"The court may presume the existence of any fact which it thinks likely to have happened, regard being had to the common course of natural events, human conduct, and public and private business, in their relation to the facts of the particular case.

ILLUSTRATIONS

The court may presume: -

....

(g) that evidence which could be and is not produced would if produced be unfavourable to the person who withholds it;"

[24] Mahkamah berpandangan bahawa kegagalan Plaintiff untuk memanggil saksi material ini seharusnya diambil kira dengan menggunakan kes **Munusamy v Public Prosecutor** [1987] 1 MLJ 492, di mana Mohamed Azmi SCJ telah memutuskan seperti berikut:



“Adverse inference under that illustration can only be drawn if there is withholding or suppression of evidence and not merely on account of failure to obtain evidence. It may be drawn from withholding not just any document, but material document by a party in his possession, or for non- production of not just any witness but an important and material witness to the case.”

[25] Seterusnya dalam kes **Bandari Simma Realty Sdn Bhd & Anor v Ravichanthiran a/l Ganesan (previously practicing as a partner for Messrs Ravi, Aida & Partners)** [2021] 9 MLJ 330, di mana Mahkamah Tinggi telah memutuskan seperti berikut:

“(5) The common denominator in this suit and Suit 197 was Tan Bon Kiat, in my view, he would have been in a position to adduced the best evidence available, as he could have shed light on the amount owing, if any, to Messrs Ravi Aida & Partners. Tan Bon Kiat was material to the facts of the present case as he would have been able to lend credence to the narrative provided by the plaintiff in his statement of claim. A further aspect of the evidence referred to in illustration (g) of s 114 of the Evidence Act was that an adverse inference was drawn only if there was deliberate withholding of the evidence. Deliberate withholding of the evidence was inferred from the lack of a reasonable explanation for the failure to produce the witness. In the present case, there was no explanation proffered for the absence of Tan Bon Kiat, leading to the inference that there was deliberate withholding of the witness. As such, the failure to call Tan



Bon Kiat resulted in the invocation of an adverse inference against the plaintiff (see paras 39 & 42–44)."

[26] Oleh yang demikian, Mahkamah berpandangan dan percaya bahawa tindakan Plaintiff untuk tidak memanggil En. Dhev Kumar Raghavan tersebut yang merupakan seorang saksi yang penting dan material merupakan satu *withholding* ataupun pemenggapan (*suppression*) keterangan daripada Plaintiff. Adalah menjadi keterangan Plaintiff bahawa beliau telah berkomunikasi dengan En. Dhev Kumar Raghavan untuk mendapatkan "kontrak" dan/atau perlantikan sebagai Perunding Perundangan bagi Defendan-Defendan. Walau bagaimanapun, tanpa apa-apa keterangan daripada En. Dhev Kumar Raghavan tersebut yang merupakan seorang saksi yang penting dan material, segala bukti-bukti dan keterangan-keterangan Plaintiff berkaitan dengan En. Dhev Kumar Raghavan tersebut merupakan *hearsay*.

[27] Mahkamah ini mendapati bahawa Plaintiff telah gagal untuk mematuhi peruntukan seksyen 101 Akta Keterangan 1950 dan kes **Ahmad Jaafar Abdul Latiff v. Dato' Bandar Kuala Lumpur** [2014] 9 CLJ 861 di mana Mahkamah Persekutuan telah memutuskan seperti berikut:

"[65] With respect, the allegation invites an examination of the factual situation and since it is the appellant who is making it the burden falls upon him to establish it on the balance of probability. (See: Section 101 of the Evidence Act 1950; Majlis Perbandaran Ampang Jaya v. Steven Phoa Cheng Loon & Ors [2006] 2 CLJ 1;



[2006] 2 MLJ 389). It must also be borne in mind that 'negligence is a question of fact and not of law, that each case must depend on its own facts'. (See: MA Clyde v. Wong Ah Mei & Anor [1970] 1 LNS 73; [1970] 2 MLJ 183)."

[28] Mahkamah juga merujuk kepada kes Mahkamah Persekutuan dalam kes **Letchumanan Chettiar Alagappan @ L Allagappan (as executor to SL Alameloo Achi alias Sona Lena Alameloo Acho, deceased) & Anor v Secure Plantation Sdn Bhd** [2017], yang telah memutuskan seperti berikut:

"[4] The Court of Appeal was also wrong to hold that once proved that the respondent was a bona fide purchaser, the burden was upon the appellants to prove forgery. Proof of bona fide purchaser could not make out a prima facie case to shift the onus of proof to the appellants. In the present case it would pan out that the respondent, who was the plaintiff, had both the 'burden of proof' to make out a prima facie case as well as the initial onus of proof to adduce evidence to prove the claim. The onus of proof would only shift to the appellants if the respondent had made out a prima facie case. That remained so even though forgery was pleaded. Although the cause of action was not admitted in the instant case, the respondent had to discharge the burden as well as the initial onus before the onus could shift to the appellants. If the respondent had not discharged that burden and onus of proof, then the claim should be dismissed, regardless of whether the defence of forgery had or had not been made out. The SPA and the instrument of transfer



were both executed by Kalidas and the appellants disputed that Kalidas was the lawful attorney of the first appellant. Hence, the respondent had the burden to prove that Kalidas had authority to bind the appellants. There is no law which says that a claim automatically succeeds if the defence fails. A claim succeeds only if a prima facie claim is made out or the cause of action is admitted, and there is no defence. Both courts below overlooked s 101 of the Evidence Act 1950, which was the overarching provision before ss 102 and or 103 would enter the equation. The burden of proof to establish the claim was not discharged (see paras 52-53, 60-67 & 69)."

[29] Seterusnya Mahkamah merujuk kepada perenggan 14 Pernyataan Defendan-Defendan di mana mereka telah memplidkan seperti berikut:

"[14] Defendan-Defendan menyatakan bahawa Tetuan J. Azmi & Associates pernah menginvoiskan Defendan Pertama dan/atau Defendan Kedua dan/atau pihak Ketiga dan/atau wakil Defendan Pertama atau Defendan Kedua untuk separa dan/atau keseluruhan Perjanjian-Perjanjian tersebut sebagai Peguam yang melaksanakan kerja- kerja tersebut. Defendan-Defendan memplidkan bahawa Plaintiff cuba mengaut keuntungan daripada Defendan-Defendan secara tidak sah".

[30] Mahkamah mendapati bahawa Plaintiff pada awal Pemeriksaan Balas telah memberitahu Mahkamah ini bahawa Plaintiff tidak ada kaitan dengan Tetuan J Azmi & Associates dan tidak ada membuat apa-apa



kerja untuk Tetuan J Azmi & Associates (Mahkamah merujuk mukasurat 20 Nota Keterangan) yang menyatakan seperti berikut:

"S: Setuju dengan saya bahawa pada masa yang material, apabila saya merujuk masa yang material, ia merangkumi tahun 2016 hingga 2017, iaitu tahun yang puan telah katakan puan membuat kerja-kerja dengan defendan. Dalam masa yang material, puan telah buat kerja-kerja untuk Messrs J Azmi & Associates?"

J: Tidak.

S: Adakah puan ingin mengatakan kepada Mahkamah bahawa puan tiada kaitan dengan J Azmi & Associates?"

J: Saya tiada kaitan untuk bekerja dengan J Azmi & Associates.

S: Tetapi ada membuat kerja-kerja?"

J: Tidak."

[31] Walau bagaimanapun, pendirian Plaintiff kemudiannya telah berubah dan mengatakan terdapatnya kaitan antara Plaintiff dengan Tetuan J Azmi & Associates dan di samping itu adalah jelas dan terang terdapatnya *fee sharing agreement* di antara Plaintiff dengan Tetuan J Azmi & Associates (Mahkamah merujuk mukasurat 23 – 24 Nota Keterangan) -

*"S: Lihat muka surat 5, bundle B. Bahagian A. Saya akan baca.
'Dear Dato, ...As requested I am sending back the Retainer*



agreement.' Ini adalah komunikasi puan dengan J Azmi & Associates. 'Further as requested by you in December, this Retainer will only show your retainer claims to Smartpark. As I have informed you earlier, I do not want any shares of the Retainer claims that you shall obtain from Smartpark. That is your fees for your advisory aspects to Smart Park.' Retainer dia adalah amaunnya 10,000 sebulan. Setuju? Tidak dinyatakan. Tidak tahu?

J: Tidak tahu.

S: Tidak mengapa. Nanti kita akan tahu. Next paragraph. 'However, I am attaching my invoice for works done as Consultant to Smartpark for the Bangalore and Ivory Coast matters. As discussed, kindly be informed that the percentage that I have recommended to you on the split of the payments for my invoice are as follows: -

- a. 60% to me; and*
- b. 40% to your firm.'*

Sekarang, setuju dengan saya bahawa terdapat fee sharing agreement antara puan dengan syarikat legal firm, J Azmi & Associates?

J: Ini hanya permulaan.



S: *Setuju atau tidak?*

J: *Tiada perjanjian*

S: *'I believe this split is fair as I am taking the time and effort in drafting the agreements. Any tax that is to be paid for the 60% shall be paid by me to your firm upon receipt of tax invoice.'*
Adakah puan ingin membayar pada masa tersebut?

J: *Sekiranya wujud, saya akan membayar.*

S: *So, sememangnya terdapat invois daripada J Azmi & Associates? Betul?*

J: *Daripada dokumen J Azmi & Associates, betul.*

S: *Puan telah katakan puan telah menghantar satu invois di muka surat 177, bundle DA, Bahagian C. P12. Apakah tarikh puan telah menghantar invois ini?*

J: *6 Februari.*

S: *Kepada siapa?*

J: *J Azmi dan Dhev Kumar."*

[32] Seterusnya, Mahkamah merujuk kepada mukasurat 6 dalam Ikatan B, yang menunjukkan e-mel yang dihantar oleh Plaintiff kepada En. Dhev seperti berikut:

"As you can see I have also informed him on the percentage that I am agreeable to. As such, please ensure that payments are split in two".



[33] Ini jelas menunjukkan bahawa pada awalnya Plaintiff telah menyatakan beliau tidak ada kaitan dengan Tetuan J Azmi & Associates tetapi e-mel seperti di mukasurat 5 dan 6 dalam Ikatan B yang dihantar oleh Plaintiff menunjukkan terdapatnya *fee sharing agreement* di antara Tetuan J Azmi & Associates dan Plaintiff. Sehubungan dengan itu, adalah jelas kepada Mahkamah bahawa Plaintiff tidak bercakap benar semasa memberikan keterangannya kerana terdapatnya percanggahan yang ketara dalam keterangan Plaintiff tersebut.

[34] Mahkamah merujuk kepada kes **Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim V Public Prosecutor and Another Appeal** [2004] 3 MLJ 405, di mana Abdul Hamid Mohamad FCJ telah menyatakan dalam penghakimannya seperti berikut:

"[2] The fact that he was not impeached does not mean that his whole evidence must be believed. His evidence would have to be scrutinised with care bearing in mind the dent in his credibility caused by his contradicting statements. In the end result, if any doubt is created, the benefit of that doubt must be given to the appellants because they are the accused persons (see para 35)."

[35] Menurut kes **Sivabalan A/L Bathumalai v Public Prosecutor** [2017] 3 MLJ 812, di Mahkamah Rayuan telah memutuskan seperti berikut:



"[25] In making the finding as above, we found the learned JC had failed to consider the material contradictions on two salient issues regarding the fact that the appellant had never exited the said Proton Persona car with an envelope P7 and that the impugned drugs were only shown to the appellant, SP3 and SP4 by PW1 at the police station. Had the learned JC examined closely the material contradictions regarding this material issues, it will clearly show that the main prosecution's witness, PW1, is not a credible witness. We also found that the testimony of the prosecution's witnesses were contradictory with each other beside in conflict with the documentary evidence produced in court. We would say that the testimony of the prosecution's witnesses, especially PW4 cannot be relied on to sustain a conviction against the appellant."

[36] Oleh yang demikian, berdasarkan kepada keterangan SP1 sendiri, adalah jelas kepada Mahkamah bahawa terdapatnya *fee sharing agreement* di antara Tetuan J Azmi & Associates dan Plaintiff dan sepertimana yang telah dinyatakan semasa Pemeriksaan Balas, *fee sharing agreement* itu adalah berasaskan perkara-perkara yang sama sepertimana yang dituntut oleh Plaintiff. Oleh kerana itu, Mahkamah berpendapat bahawa Plaintiff tidak ada *locus* untuk membawa tindakan ini terhadap Defendan-Defendan.

[37] Seterusnya, terdapat persoalan kedua sama ada apa-apa kontrak yang dimasuki oleh Plaintiff dengan Defendan-Defendan dicemari dengan



kesalahan undang-undang kerana Plaintiff adalah seorang bankrap pada masa yang material.

[38] Adalah jelas dalam section 38 (1) (d) Bankruptcy Act (seksyen 38 Akta Kebakrapan 1967 tersebut kini dikenali sebagai section 38 (1) (d) Insolvency Act 1967 (Revised 1988) [formerly known as Bankruptcy Act 1967 (Revised 1988)] Act 360 seperti berikut:

“(d) the bankrupt shall not, except with the previous permission of the Director General of Insolvency or of the court, enter into or carry on any business either alone or in partnership, or become a director of any company or otherwise directly or indirectly take part in the management of any company;”

[39] Plaintiff merupakan seorang bankrap pada masa yang material dan Plaintiff tidak ada mendapatkan kebenaran Ketua Pengarah Insolvensi dan/atau Mahkamah untuk menjalankan perniagaan sebagai seorang Perunding Undang-Undang selaras dengan seksyen 38 Akta Insolvensi 1967 tersebut. Oleh yang demikian, apa-apa kontrak antara Plaintiff dan Defendan-Defendan adalah dicemari oleh kesalahan undang-undang.

[40] Plaintiff dalam pemeriksaan balas telah menyatakan bahawa beliau tidak perlu mendapatkan persetujuan atau *consent* daripada pihak Jabatan Insolvensi. Ini dapat dilihat dalam mukasurat 21 Nota Keterangan seperti berikut:



S: Setuju dengan saya apa-apa kontrak yang dimasuki oleh puan dengan mana-mana pihak perlu mendapatkan approval, persetujuan atau consent daripada pihak insolvensi menurut s. 38(1)(d)?

J: Kontrak jenis apa?

S: Jawab dulu. Puan jangan tanya saya soalan.

J: Specific question. Kontrak jenis apa? Contract in relation to work or contract in relation to drafting of agreement?

S: Puan bukan pekerja. Puan telah kata puan bukannya pekerja. Apa-apa kontrak yang dimasuki oleh puan perlu mendapatkan consent. Setuju?

J: Tidak setuju.

[41] Kemudiannya Plaintiff semasa pemeriksaan balas apabila dirujuk dengan section 38 (1) (d) Bankruptcy Act 1967, sekali lagi telah menyatakan bahawa persetujuan atau consent daripada pihak Jabatan Insolvensi tidak diperlukan (Mahkamah merujuk mukasurat 21 Nota Keterangan) -

S: Saya akan berikan copy s. 38. Ini adalah s. 38(1)(d). Ada di situ di bahagian bawah. Saya akan baca.

'38. (1) Where a bankrupt has not obtained his discharge—

(d) the bankrupt shall not, except with the previous permission of the Director General of Insolvency or of the court, enter into or carry



on any business either alone or in partnership, or become a director of any company or otherwise directly or indirectly take part in the management of any company' Setuju bahawa tidak ada apa-apa permission daripada Director General of Insolvency pada masa tersebut?

J: Tidak perlu.

[42] Walau bagaimanapun, selanjutnya apabila dirujuk dengan *section 38 (2) Bankruptcy Act 1967*, Plaintiff telah bersetuju bahawa persetujuan atau *consent* daripada pihak Jabatan Insolvensi diperlukan (Mahkamah merujuk mukasurat 22 Nota Keterangan) -

S: Sila lihat bahagian 38(2). '(2) A bankrupt who makes default in performing or observing this section or a condition imposed pursuant to subsection (1a) shall be deemed guilty of a contempt of court, and shall be punished accordingly on the application of the Director General of Insolvency.' Saya akan baca 1A. '(1a) In granting permission under paragraph (c), (d) or (e) of subsection (1), the Director General of Insolvency or the court may impose such conditions as he or it may think fit.' Tidak ada apa-apa permission sampai sekarang dan bersetuju menurut s. 38(2), ianya adalah satu kesalahan?

J: Menurut seksyen tersebut, betul.



[43] Berdasarkan kepada keterangan Plaintiff di atas, Mahkamah dapat menilai mengenai kredibiliti Plaintiff memandangkan Plaintiff sendiri adalah seorang peguam dan telah memberi keterangan palsu dengan menyatakan tidak ada persetujuan atau *consent* daripada pihak insolvensi tidak diperlukan kerana kenyataan Plaintiff tersebut telah bercanggah dengan peruntukkan di bawah *section 38 (1) (d) Bankruptcy Act 1967*.

[44] Merujuk kepada *section 24 Contracts Act 1950* yang memperuntukkan seperti berikut:

“The consideration or object of an agreement is lawful, unless-

- (a) it is forbidden by a law;*
- (b) it is of such a nature that, if permitted, it would defeat any law;*
- (c) it is fraudulent;*
- (d) it involves or implies injury to the person or property of another;*
or
- (e) the court regards it as immoral, or opposed to public policy.*

In each of the above cases, the consideration or object of an agreement is said to be unlawful. Every agreement of which the object or consideration is unlawful is void.”



[45] Mahkamah merujuk kepada kes **Yogananthi A S Thambaiya v. Harta Pusaka Idris Osman** [2020] 6 CLJ 151, di mana Mahkamah Persekutuan telah memutuskan seperti berikut:

"[1] Under s. 24 of the Contracts Act 1950 ('CA'), there is a clear demarcation between voiding an agreement which consideration or objective is illegal and one which is regarded by the court as being immoral or being opposed to public policy. An illegal agreement is void by virtue of s. 24(a) of the CA and an agreement may also be void because to enforce it would be opposed to public policy. Voiding an agreement under s. 24(e) of the CA on account of it being opposed to public policy appears in the same provision that voids an agreement premised on the fact that its consideration or objective is regarded by the court to be immoral. It is also clear from a reading of s. 24(e) of the CA that the element of illegality or contravention of any statutory provision as a basis for voiding an agreement under it is conspicuous by its clear omission. That omission is a deliberate act by the drafters because any consideration of illegality in voiding an agreement has been housed under s. 24(a) and (b) of the CA. To contend that in considering the applicability of s. 24(e) one ought to take into account the illegality element in considering public policy would, in effect, render the provisions under s. 24(a) and (b) of the CA redundant. Together with immorality, public policy is a statutorily provided head upon which an agreement may be impugned and if the court regards it as being immoral or is opposed to public policy, then such an agreement will be struck down as void, on either account (para 26)".



[46] Di samping itu, dokumen Plaintiff sandarkan juga telah dicemari kesalahan undang- undang di mana Plaintiff telah menyatakan amaun turut termasuk bayaran GST (Mahkamah merujuk mukasurat 73 Nota Keterangan) -

S: Adakah amaun RM 177,000 itu termasuk amaun yang kamu charge untuk kerja-kerja di Ivory Coast. Ya atau tidak? Item 3. Invois kamu termasuk dengan item 3. Betul?

J: Ya.

S: Dalam item 3 kamu ini terlebih dahulu, telah mengaku bahawa terdapatnya amaun yang kamu telah charge sebagai GST. Setuju?

J: Initially ada.

S: Kamu sekali ada keluarkan GST invoice, kamu tahu kedudukan undang-undang bahawa kamu perlu bayar GST. Adakah kamu telah membayar GST untuk pengeluaran invois tersebut?

J: Tidak.

S: Saya cadangkan bahawa invois-invois ini tidak langsung dikeluarkan dan ianya bukannya invois rasmi?

J: Tidak benar.

S: So, kamu ada bayar GST untuk invois tersebut?

J: Tidak.



[47] Ini menunjukkan Plaintiff sekali lagi tidak membayar GST dan/atau berdaftar untuk GST untuk mengenakan jumlah tersebut yang dinyatakan *inter alia* P12.

[48] Isu ketiga seterusnya adalah sama ada Plaintiff telah dilantik sebagai Perunding Perundangan bagi Defendan-Defendan. Berdasarkan kepada keterangan yang telah diberikan oleh Plaintiff, Mahkamah mendapati bahawa Plaintiff sama sekali telah gagal menunjukkan terdapatnya perlantikkan sebagai Perunding Perundangan untuk Defendan-Defendan. Tiada apa-apa jenis keterangan bertulis untuk menunjukkan perlantikkan sebagai Perunding Perundangan oleh mana-mana Defendan. Plaintiff juga gagal menghadapkan En. Dhev Kumar Raghavan ke Mahkamah ini sebagai saksi untuk memberi keterangan dan seterusnya menjawab persoalan ini dan bagi membolehkan Mahkamah ini membuat pertimbangan yang sewajarnya.

[49] Isu keempat selanjutnya adalah sama ada Perjanjian-Perjanjian yang dinyatakan dalam Perenggan 8, 9 dan 10 Pernyataan Tuntutan tersebut adalah kepunyaan Defendan-Defendan.

[50] Mahkamah merujuk kepada keterangan Plaintiff semasa Pemeriksaan Balas seperti berikut (Mahkamah merujuk mukasurat 38 – 40 Nota Keterangan):

S: Setuju pada muka surat 419, ini adalah surat berkenaan dengan GK Parking Solutions India Pvt Ltd? Sorry, 428.



J: *Betul.*

S: *Setuju bahawa untuk muka surat 429, ia mengenai GK Parking Solutions India Pvt Ltd?*

J: *Betul.*

S: *Setuju muka surat 431, ianya mengenai GK Parking Solutions India Pvt Ltd?*

J: *Betul.*

S: *Setuju dengan saya muka surat 433 juga berkenaan dengan GK Parking Solutions India Pvt Ltd?*

J: *Betul.*

S: *Muka surat 434 hingga 443, kesemuanya berkenaan dengan GK Parking Solutions India Pvt Ltd?*

J: *Betul.*

S: *Kesemuanya tiada kaitan dengan defendan-defendan?*

J: *Tidak benar.*

S: *Setuju dengan saya bahawa GK Parking Solutions India Pvt Ltd bukannya defendan-defendan?*

J: *Tidak benar.*

S: *Kamu menyatakan bahawa GK Parking Solutions India Pvt Ltd ini adalah defendan?*

J: *Sebahagian.*

S: *Kamu faham bahawa Akta Syarikat? Company has 2 different entity.*



J: Yes.

S: *Kamu masih ingin menjawab yang sama bahawa GK Parking Solutions India Pvt Ltd adalah defendan- defendan?*

J: *Bukan defendan-defendan tetapi sebahagian daripada syarikat defendan.*

S: *Just answer my question. Yes or no? Don't try to sway.*

J: *I am not swaying. I am telling the truth.*

S: *No. Just answer the question.*

J: *It is not the defendant but part of the defendant.*

S: *No, you answer only one.*

J: *I have answered.*

[51] Mahkamah selanjutnya merujuk kepada keterangan Plaintiff semasa Pemeriksaan Balas seperti berikut (Mahkamah merujuk mukasurat 50 Nota Keterangan):

S: *No, page 82 is your email. Setuju? Sila tunjuk dokumen tersebut. Saya ingat page 87. Setuju?*

J: *Ya. Page 87 to 107.*

S: *Ini berkenaan dengan Mitra Parking Solution India Pvt Ltd and Trapasol India Pvt Ltd. Both Indian companies. Correct?*

J: Yes.



[52] Berdasarkan kepada keterangan Plaintiff tersebut, Mahkamah mendapati bahawa Plaintiff tidak ada pada bila-bila masa menunjukkan kepada Mahkamah ini kaitan dan/atau hubungan di antara Defendan-Defendan dengan Mitra Parking Solution India Pvt Ltd, Trapasol India Pvt Ltd dan GK Parking Solutions India Pvt Ltd.

[53] Isu kelima adalah sama ada Tetuan J Azmi & Associates telah menginvoiskan kepada Defendan-Defendan bagi perangkaan Perjanjian-Perjanjian tersebut.

[54] Merujuk kepada mukasurat 26 Nota Keterangan, Plaintiff sendiri juga mengakui hal ini semasa Pemeriksaan Balas –

S: Setuju dengan saya bahawa projek ini adalah projek yang sama yang dinyatakan dalam invoices. Azmi & Associates di muka surat 3, bundle B?

J: Mengikut kedua-dua dokumen, betul.

[55] Pengakuan Plaintiff ini menunjukkan bahawa Tetuan J Azmi & Associates telah dilantik menjadi Firma Panel dan Tetuan J Azmi & Associates telah mendrafkan segala dokumentasi yang dituntut oleh Plaintiff.



[56] Isu keenam adalah sama ada terdapat konspirasi di antara Plaintiff dan En. Dhev Kumar Raghavan untuk menipu dan mengaut keuntungan daripada Defendan-Defendan.

[57] Mahkamah ini merujuk kepada mukasurat 6 dalam Ikatan B, yang menunjukkan e-mel yang dihantar oleh Plaintiff kepada En. Dhev untuk, *"As you can see I have also informed him on the percentage that I am agreeable to. As such, please ensure that payments are split in two"*. Jika tidak ada apa-apa kepentingan untuk En. Dhev Kumar Raghavan, apakah keperluan untuk Plaintiff mengarahkan En. Dhev Kumar Raghavan untuk *ensure split payment*.

[58] Oleh yang demikian, adalah jelas bahawa Plaintiff dan En. Dhev Kumar Raghavan melakukan konspirasi dan cuba menipu Defendan-Defendan.

[59] Isu ketujuh selanjutnya adalah sama ada Defendan-Defendan bersetuju untuk membayar Plaintiff sejumlah fee yang berpatutan bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Plaintiff. Mahkamah mendapati bahawa daripada keterangan Plaintiff, Plaintiff sama sekali telah gagal menunjukkan terdapatnya persetujuan Defendan-Defendan.

[60] Selanjutnya isu kelapan sama ada Defendan-Defendan telah mengarahkan Plaintiff untuk merangka Perjanjian-Perjanjian bagi Defendan-Defendan. Mahkamah juga mendapati bahawa Plaintiff sama sekali telah gagal menunjukkan bahawa Plaintiff telah diarahkan oleh



Defendan-Defendan untuk berbuat demikian. Malah Plaintiff telah gagal memanggil saksi yang material dalam kes ini untuk membuktikannya.

[61] Isu kesembilan sama ada Plaintiff telah menyelesaikan semua perangkaan Perjanjian-perjanjian bagi Defendan-Defendan. Daripada keterangan Plaintiff sendiri, Mahkamah mendapati bahawa Defendan-Defendan tidak pernah melantik Plaintiff untuk merangka apa-apa perjanjian bagi Defendan-Defendan. Sebaliknya, Defendan-Defendan telah melantik Tetuan J Azmi & Associates merangka apa-apa perjanjian bagi Defendan-Defendan, jika ada.

[62] Mahkamah merujuk kepada keterangan Plaintiff semasa Pemeriksaan Balas seperti berikut (Mahkamah merujuk mukasurat 23 – 24 Nota Keterangan):

S: Setuju bahawa puan mempunyai fee sharing agreement dengan legal firm, J Azmi & Associates?

J: Tiada apa-apa perjanjian ditandatangani. Tiada.

S: Ada atau tidak?

J: Tidak.

S: Lihat muka surat 5, bundle B. Bahagian A. Saya akan baca. 'Dear Dato, ...As requested I am sending back the Retainer agreement.' Ini adalah komunikasi puan dengan J Azmi & Associates. 'Further as requested by you in December, this Retainer will only show your retainer claims to Smartpark.



As I have informed you earlier, I do not want any shares of the Retainer claims that you shall obtain from Smartpark. That is your fees for your advisory aspects to Smart Park.' Retainer dia adalah amaunnya 10,000 sebulan. Setuju? Tidak dinyatakan. Tidak tahu?

J: Tidak tahu.

S: Tidak mengapa. Nanti kita akan tahu. Next paragraph. 'However, I am attaching my invoice for works done as Consultant to Smartpark for the Bangalore and Ivory Coast matters. As discussed, kindly be informed that the percentage that I have recommended to you on the split of the payments for my invoice are as follows:

- a. 60% to me; and*
- b. 40% to your firm.'*

Sekarang, setuju dengan saya bahawa terdapat fee sharing agreement antara puan dengan syarikat legal firm, J Azmi & Associates?

J: Ini hanya permulaan.

S: Setuju atau tidak?

J: Tiada perjanjian.

S: 'I believe this split is fair as I am taking the time and effort in drafting the agreements. Any tax that is to be paid for the 60%



shall be paid by me to your firm upon receipt of tax invoice.'

Adakah puan ingin membayar pada masa tersebut?

J: Sekiranya wujud, saya akan membayar.

S: So, sememangnya terdapat invois daripada J Azmi & Associates? Betul?

J: Daripada dokumen J Azmi & Associates, betul.

[63] Berdasarkan keterangan Plaintiff seperti di atas, Mahkamah mendapati bahawa sekiranya terdapat apa-apa perjanjian dan/atau tunggakkan fi, ianya adalah di antara Plaintiff dengan Tetuan J. Azmi & Associates dan tidak ada apa-apa kaitan dengan Defendan-Defendan.

[64] Plaintiff yang telah mengemukakan e-mel di muka surat 5, Ikatan B, Bahagian A kemudiannya menukar ceritanya dan menyatakan bahawa tidak ada apa-apa perjanjian bertulis yang wujud di antara Plaintiff dan Tetuan J Azmi & Associates.

[65] Mahkamah juga mendapati bahawa Plaintiff telah gagal untuk memanggil Dato' Raja ataupun sesiapa daripada Tetuan J Azmi & Associates untuk membuktikan keterangan Plaintiff tersebut. Tambahan pula, adalah penting bagi Mahkamah ini untuk melihat dan menilai bahawa semua dokumen dan e-mel yang berkaitan dengan Tetuan J Azmi & Associates yang difailkan di Mahkamah ini adalah daripada Plaintiff. Tambahan lagi, Dato' Raja dan/atau Tetuan J Azmi & Associates merupakan saksi penting dan material dalam kes ini oleh kerana nama



Dato' Raja dan/atau Tetuan J Azmi & Associates telah timbul beberapa kali melalui keterangan dan dokumen-dokumen Plaintiff sendiri.

[66] Mahkamah sekali lagi merujuk kepada *Section 114 (g) Evidence Act 1950* dan mendapati satu inferens negatif diberikan atas kegagalan Plaintiff untuk memanggil Dato' Raja ataupun sesiapa daripada Tetuan J Azmi & Associates sebagai saksi penting dan material oleh kerana ini merupakan satu *suppression of evidence* di mana Mahkamah ini tidak dapat menilai kesahihan keterangan Plaintiff.

[67] Seterusnya isu kesepuluh adalah sama ada Defendan-Defendan telah menerima bil-bil bagi kerja-kerja perangkaan Perjanjian-Perjanjian tersebut. Mahkamah mendapati bahawa tiada bukti yang menunjukkan Defendan- Defendan pernah menerima apa-apa *quotation of fees* daripada Plaintiff pada masa yang material. Ketiadaan apa-apa *quotation of fees* ini jelas daripada keterangan Plaintiff sendiri semasa Pemeriksaan Balas (Mahkamah merujuk mukasurat 69 Nota Keterangan):

S: *Sebelum kamu keluarkan invois di muka surat 137 hingga 145, bundle DA, pernahkah kamu keluarkan apa-apa quotation kepada mana-mana defendan?*

J: *Tidak ada.*

[68] Dengan kata lain, Defendan-Defendan tidak pernah bersetuju kepada jumlah-jumlah yang dinyatakan oleh Plaintiff dan oleh itu,



Defendan-Defendan tidak pernah bersetuju kepada kandungan invois-invois Plaintiff tersebut.

[69] Seterusnya Mahkamah merujuk kepada keterangan Plaintiff sendiri semasa Pemeriksaan Balas seperti berikut (Mahkamah merujuk mukasurat 23 – 25 Nota Keterangan):

S: *Setuju bahawa puan mempunyai fee sharing agreement dengan legal firm, J Azmi & Associates?*

J: *Tiada apa-apa perjanjian ditandatangani. Tiada.*

S: *Ada atau tidak?*

J: *Tidak.*

S: *Lihat muka surat 5, bundle B. Bahagian A. Saya akan baca. 'Dear Dato, ...As requested I am sending back the Retainer agreement.' Ini adalah komunikasi puan dengan J Azmi & Associates. 'Further as requested by you in December, this Retainer will only show your retainer claims to Smartpark.*

As I have informed you earlier, I do not want any shares of the Retainer claims that you shall obtain from Smartpark. That is your fees for your advisory aspects to Smart Park.' Retainer dia adalah amaunnya 10,000 sebulan. Setuju? Tidak dinyatakan. Tidak tahu?

J: *Tidak tahu.*

S: *Tidak mengapa. Nanti kita akan tahu. Next paragraph. 'However, I am attaching my invoice for works done as*



Consultant to Smartpark for the Bangalore and Ivory Coast matters. As discussed, kindly be informed that the percentage that I have recommended to you on the split of the payments for my invoice are as follows:

- a. 60% to me; and*
- b. 40% to your firm.'*

Sekarang, setuju dengan saya bahawa terdapat fee sharing agreement antara puan dengan syarikat legal firm, J Azmi & Associates?

J: Ini hanya permulaan.

S: Setuju atau tidak?

J: Tiada perjanjian.

S: 'I believe this split is fair as I am taking the time and effort in drafting the agreements. Any tax that is to be paid for the 60% shall be paid by me to your firm upon receipt of tax invoice.' Adakah puan ingin membayar pada masa tersebut?

J: Sekiranya wujud, saya akan membayar.

S: So, sememangnya terdapat invois daripada J Azmi & Associates? Betul?

J: Daripada dokumen J Azmi & Associates, betul.

S: Puan telah katakan puan telah menghantar satu invois di muka surat 177, bundle DA, Bahagian C. P12. Apakah tarikh puan telah menghantar invois ini?



J: 6 Februari.

S: Kepada siapa?

J: J Azmi dan Dhev Kumar.

*S: Dan bukannya kepada Smartpark Services Sdn Bhd.
Setuju?*

J: dhevkumar@smartparking.

S: Bukannya kepada Smart Park Services Sdn Bhd?

J: Kepada Smart Park Services Sdn Bhd

*S: Setuju dengan saya tadi bahawa Dhev Kumar Raghavan
bekerja dengan Smart InterPark Group Sdn Bhd?*

J: Ada sebahagian daripadanya.

[70] Mahkamah juga merujuk kepada keterangan Plaintiff sendiri semasa Pemeriksaan Balas seperti berikut (Mahkamah merujuk mukasurat 27 – 28 Nota Keterangan):

S: Lihat muka surat 6. Ini adalah emel puan kepada En. Dhev Kumar Raghavan dari Smart InterPark Group Sdn Bhd. 'Good morning Dhev, I have sent the below email to Dato Raja.' Setuju bahawa Dato Raja adalah Datuk Rajasekharan dari legal firm J Azmi & Associates?

J: Betul.



S: *'My invoices are also attached. He had asked Maha to send me a whatsapp this morning.'* Setuju dengan saya bahawa 'he' merangkumi Dato Raja sekali lagi?

J: *Betul.*

S: *Dan Maha adalah salah seorang pekerja Dato Raja?*

J: *Betul.*

S: *'I informed her that the retainer is per his retainer and my invoice is for work done. As you can see I have also informed him on the percentage that I am agreeable to. As such, please ensure that payments are split in two.'* Adakah kamu bersetuju bahawa kamu telah memohon bantuan En. Dhev Kumar Raghavan untuk membuat split payment melalui emel ini?

J: *Pada masa tersebut.*

[71] Seterusnya, Plaintiff sendiri semasa Pemeriksaan Semula telah mengakui bahawa invois yang dikeluarkan oleh beliau adalah untuk *facilitate* invois Tetuan J Azmi & Associates (Mahkamah merujuk mukasurat 87 Nota Keterangan):

S: *Berkenaan dengan caj GST, puan nyatakan puan tidak mengecaj GST. Boleh terangkan kepada Mahkamah mengenai GST?*

J: *Invois yang saya keluarkan adalah untuk J Azmi & Associates to facilitate dia punya invoice. So, pembayaran GST itu akan*



diterima oleh J Azmi & Associates, not me. Therefore, I cannot charge because I don't have a right to charge.

[72] Berdasarkan keterangan Plaintiff tersebut, adalah jelas kepada Mahkamah bahawa segala bil-bil dan/atau invois-invois adalah di antara Plaintiff dan Tetuan J Azmi & Associates dan tiada apa-apa kaitan dengan Defendan-Defendan. Dokumen-dokumen daripada Plaintiff dan keterangan Plaintiff sendiri menunjukkan bahawa terdapatnya satu *fee arrangement* di antara Plaintiff dan Tetuan J Azmi & Associates. Oleh yang demikian, apa-apa tuntutan Plaintiff seharusnya dibuat kepada Tetuan J Azmi & Associates dan bukan kepada Defendan-Defendan.

[73] Isu kesebelas seterusnya adalah sama ada Defendan-Defendan terhutang bagi jumlah fee sebanyak RM177,000.00 untuk perkhidmatan undang- undang bagi Perjanjian-Perjanjian yang dirangka tersebut.

[74] Berdasarkan kepada keterangan Plaintiff sendiri, Mahkamah mendapati bahawa Plaintiff sama sekali telah gagal menunjukkan berkehutangan sebanyak RM177,000.00 dan juga gagal memanggil saksi untuk menunjukkan Plaintiff telah dilantik sebagai Perunding Perundangan. Di samping itu, adalah Plaintiff sendiri telah mengakui kewujudan *fee sharing agreement* dengan Tetuan J Azmi & Associates dan juga kewujudan bil daripada Tetuan J Azmi & Associates untuk perkara yang sama yang dituntut oleh Plaintiff.



[75] Malah semasa Pemeriksaan Balas (Mahkamah merujuk mukasurat 24 Nota Keterangan), Plaintiff sendiri telah mengakui bahawa -

S: *'I believe this split is fair as I am taking the time and effort in drafting the agreements. Any tax that is to be paid for the 60% shall be paid by me to your firm upon receipt of tax invoice.'*
Adakah puan ingin membayar pada masa tersebut?

J: *Sekiranya wujud, saya akan membayar.*

[76] Seterusnya Pemeriksaan Balas, Plaintiff sendiri telah mengakui bahawa invois-invois dari J Azmi & Associates adalah meliputi projek-projek yang sama seperti yang dinyatakan dalam tuntutan Plaintiff.

S: *So, sememangnya terdapat invois daripada J Azmi & Associates? Betul?*

J: *Daripada dokumen J Azmi & Associates, betul.*

(Mahkamah merujuk mukasurat 24 Nota Keterangan)

S: *Setuju dengan saya bahawa projek ini adalah projek yang sama yang dinyatakan dalam invois J Azmi & Associates di muka surat 3, bundle B?*

J: *Mengikut kedua-dua dokumen, betul.*



S: Dan di dalam invois yang dikatakan puan telah keluarkan, invois ini juga telah di charge atau dikira dengan 6% GST?

J: Sepertimana yang ditulis.

S: Dan amaunnya adalah sama selepas 6% tersebut dicampur dengan amaun yang dinyatakan dalam invois J Azmi & Associates di muka surat 3? Sila lihat muka surat 3. Legal fees, 154,000.00. 6% GST, 9,240.00. Jumlah campuran adalah 163,240.00. Amaunnya adalah sama dinyatakan dalam invois Puan. Setuju?

J: Setuju.

(Mahkamah merujuk mukasurat 26 Nota Keterangan)

[77] Oleh yang demikian, berdasarkan kepada keterangan Plaintiff di atas, Mahkamah percaya dan mendapati bahawa tidak ada amaun tertunggak sebanyak RM 177,000.00 untuk kerja-kerja yang dituntut oleh Plaintiff. Tambahan lagi, Plaintiff sama sekali gagal untuk membuktikan amaun yang dituntut tersebut.

[78] Isu kedua belas adalah sama ada Defendan-Defendan telah membuat pembayaran sebanyak RM30,000.00 sebagai sebahagian daripada pembayaran jumlah fee tersebut kepada Plaintiff.

[79] Mahkamah seterusnya merujuk kepada keterangan Plaintiff semasa Pemeriksaan Balas seperti berikut (Mahkamah merujuk mukasurat 64 – 65 Nota Keterangan):



S: *RM30,000 telah dikatakan kamu terima. Setuju dengan saya tidak ada baucar apa-apa yang kamu telah tandatangani untuk penerimaan RM 30,000 ini?*

J: *Tidak benar.*

S: *Ada apa-apa copy baucar?*

J: *Tidak ada.*

S: *Setuju dengan saya bahawa tidak ada apa-apa resit yang telah dikeluarkan oleh kamu mengenai setiap wang yang kamu kata kamu terima dari kedua-dua defendan?*

J: *Setuju.*

S: *Setuju dengan saya dalam penerimaan RM30,000 ini, walaupun kamu katakan kamu telah terima daripada kedua-dua defendan, kamu tidak tahu siapa pembayar, mana satu defendan yang bayar?*

J: *Saya menerima duitnya.*

S: *No. Kamu tahu ke tidak tahu?*

J: *Tidak tahu.*

S: *Kamu bersetujulah?*

J: *-*

S: *Setuju dengan saya bahawa pembayaran kamu juga telah diterima oleh kamu selepas ayah kamu meninggal dunia?*

J: *Tidak. Bukan semua.*

S: *No. Sebahagian.*



J: Betul.

S: Saya cadangkan bahawa pembayaran ini adalah dibayar kepada kamu atas dasar pertolongan kepada kamu?

J: Tidak setuju.

S: Ketiga-tiga invois kamu, iaitu pada muka surat 137 hingga 139, 140 hingga 142, 143 hingga 145, Ikatan DA, tidak langsung menunjukkan RM30,000? Tiada amaun RM30,000.

J: Betul.

[80] Berdasarkan keterangan Plaintiff seperti di atas, Mahkamah mendapati bahawa wang RM30,000.00 yang telah diberikan bukanlah pembayaran untuk apa-apa invois atau fi yang tertunggak tetapi adalah pembayaran atas dasar pertolongan kepada Plaintiff oleh seorang Pengarah pihak Defendan.

[81] Isu ketiga belas adalah sama ada Plaintiff telah menuntut daripada Defendan-Defendan untuk membayar baki jumlah fee sebanyak RM147,000.00 melalui Notis Tuntutannya dari peguamcaranya, Tetuan Nasser Hamid & Associates.

[82] Mahkamah merujuk kepada keterangan Plaintiff semasa Pemeriksaan Balas (Mahkamah merujuk mukasurat 67 – 68 Nota Keterangan):

S: Pernah hantar apa-apa surat tuntutan sebelum surat ini?



J: *Daripada Nasser Hamid & Co.*

S: *Ada surat tuntutan itu dalam bundle?*

J: *Dalam bundle tiada.*

S: *Saya cadangkan bahawa kamu sekali lagi membuat suppression of evidence walaupun kamu tahu terdapat satu surat tuntutan yang kamu katakan kamu telah keluarkan dan memang ada bersama dengan kamu. Kamu tidak include atau memasukkan surat tuntutan itu ke dalam bundle of documents. Setuju?*

J: *Tidak setuju.*

S: *Setuju bahawa surat tuntutan itu, kandungan surat tuntutan itu boleh berbeza daripada kandungan surat tuntutan ini?*

Pegum Plaintiff: Bantahan. Sebab saksi sebenarnya memberikan surat tuntutan tersebut kepada firma yang mewakili dan kami mempunyai salinan surat tersebut.

Pegum Defendan: The issue is not in the bundle. And we have not sighted the document.

SP1: Ask a question.



Peguam Plaintiff: Yes. Kami boleh bagi jika hendak tengok isi kandungan surat tuntutan dahulu adalah sama dengan yang terbaru ataupun tidak.

Mahkamah: Ada dalam bundle ataupun tidak?

Peguam Plaintiff: Tiada.

[83] Mahkamah merujuk kepada *section 114 illustration (g) Evidence Act 1950* untuk membuat inferens negatif terhadap Plaintiff kerana sekali lagi Plaintiff telah *suppress evidence*, di mana isi kandungan surat dari Tetuan Nasser Hamid & Associates tidak dapat dinilai oleh Mahkamah ini.

[84] Plaintiff dalam keterangannya telah mengakui bahawa surat tuntutan dari Tetuan Nasser Hamid & Associates adalah tidak penting (Mahkamah merujuk mukasurat 68 Nota Keterangan):

S: Setuju dengan saya surat tuntutan dari peguamcara Tetuan Nasser Hamid & Associates, juga adalah satu bukti yang mustahak dalam kes ini?

J: Tidak.

S: So, kalau macam itu, surat tuntutan dari Tetuan S Bashirah & Associates pun tidak mustahaklah?



J: Mustahak.

[85] Plaintiff sekali lagi menunjukkan demeanor yang menunjukkan sikap alpa Plaintiff terhadap prosiding Mahkamah ini apabila menjawab surat tuntutan dari peguamcara Tetuan Nasser Hamid & Associates tidak mustahak tetapi hanya surat tuntutan dari Tetuan S Bashirah & Associates adalah mustahak.

[86] Isu terakhir adalah sama ada Defendan-Defendan telah gagal untuk membuat apa-apa pembayaran kepada Plaintiff bagi tunggakan jumlah fee tersebut setelah menerima beberapa tuntutan daripada Plaintiff.

[87] Berdasarkan kepada keterangan Plaintiff sendiri, Mahkamah mendapati bahawa Plaintiff telah gagal untuk membuktikan berapa banyak tuntutan yang telah diterima oleh Plaintiff secara spesifik. Plaintiff telah gagal untuk membuktikan bahawa terdapat keperluan untuk Defendan-Defendan membuat apa-apa pembayaran kepada Plaintiff.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

[88] Berdasarkan kepada keterangan Plaintiff sendiri dan dokumen-dokumen yang dikemukakan di Mahkamah ini, Mahkamah ini mendapati bahawa tuntutan Plaintiff terhadap Defendan-Defendan adalah tidak bermerit dan tidak berasas.

[89] Oleh yang demikian, Mahkamah mendapati dan percaya bahawa –




- (i) Plaintiff sama sekali telah gagal membuktikan bahawa terdapatnya kontrak di antara Plaintiff dan Defendan-Defendan;
- (ii) Plaintiff juga gagal menghadapkan kepada Mahkamah ini saksi penting dan material iaitu En. Dhev Kumar Raghavan, maka Section 114 illustration (g) Evidence Act 1950 terpakai untuk membuat inferens negatif;
- (iii) Plaintiff telah gagal untuk menunjukkan bagaimana Plaintiff telah dilantik sebagai Perunding Perundangan untuk Defendan-Defendan melalui En. Dhev Kumar Raghavan yang merupakan Group CEO untuk syarikat Smart InterPark Group Sdn Bhd;
- (iv) Defendan-Defendan telah membuktikan bahawa terdapatnya kontrak di antara Plaintiff dengan Tetuan J Azmi & Associates terhadap item yang sama dituntut oleh Plaintiff terhadap Defendan-Defendan;
- (v) Defendan-Defendan berjaya membuktikan terdapatnya pembayaran yang telah dilakukan kepada Tetuan J Azmi & Associates;



- (vi) Plaintiff juga gagal memanggil saksi penting dan material iaitu Dato' Raja dari Tetuan J Azmi & Associates;
- (vii) Plaintiff yang menuntut adalah seorang bankrap pada masa yang material dan menyatakan terdapatnya suatu kontrak yang telah dimasuki oleh Plaintiff dengan Defendan-Defendan sebagai Perunding Perundangan tetapi telah gagal sama sekali untuk menunjukkan bahawa Plaintiff telah mendapatkan kebenaran Ketua Pengarah Insolvency dan/atau Mahkamah untuk menepati kehendak Seksyen 38 (1) (d) Akta Kebankrapan 1967;
- (viii) Kegagalan untuk menepati Seksyen 38 (1) (d) Akta Kebankrapan 1967 telah mengakibatkan kontrak yang dituntut oleh Plaintiff (jika ada) telah dicemari kesalahan undang-undang;
- (ix) Suatu kontrak yang dicemari oleh kesalahan undang-undang *Section 24 Contracts Act 1950*; dan
- (x) Dokumen yang Plaintiff bergantung juga telah dicemari kesalahan undang-undang atas sebab telah mengenakan GST walaupun tidak berdaftar atau membayar GST.



[90] Oleh yang demikian, Mahkamah memutuskan di akhir perbicaraan bahawa Plaintiff telah gagal membuktikan tuntutan Plaintiff, atas imbangan kebarangkalian, terhadap Defendan-Defendan. Dengan itu, tuntutan Plaintiff terhadap Defendan-Defendan ditolak dengan kos sebanyak RM10,000.00 kepada Defendan-Defendan.



(RUSHAN LUTFI BIN MOHAMED)

Hakim

Mahkamah Sesyen Sivil 8

Kuala Lumpur

Tarikh: 27 September 2021

Peguam Cara Plaintiff:

Tetuan Ramesh Yum &Co.

Peguan Bela Defendan-Defendan:

Tetuan Andy & Co.

